



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Kota Tinggi.

A. JAWATAN LANTIKAN

1. SKIM PERKHIDMATAN	: Penolong Pegawai Penilaian
-----------------------------	-------------------------------------

GRED	: W29
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) / Tetap
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Kewangan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM -MAKSIMUM	: RM1,498.00 - RM5,678.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00

1. SYARAT LANTIKAN

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
.(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM1,851.28)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan (i)(c); atau
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur pelantikan :
 - (i) berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menyediakan maklumat mengenai jual beli harta, sewaan, hak milik tanah, mengira keluasan tanah, menganalisis butir-butir jual beli, mengawas dan melaksanakan urusan penilaian dan pengurusan harta yang berkaitan.

2. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
GRED	: N19
KEKOSONGAN JAWATAN	: Tiga (3) / Tetap (2) Kontrak (1)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Pentadbiran Dan Sokongan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM -MAKSIMUM	: RM1,352.00 - RM4,003.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM100.00

1. SYARAT LANTIKAN

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji Permulaan pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred N19 : RM1,408.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,464.80)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan (i)(c); atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) Had umur pelantikan :
 - (i) berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada Tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

3. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Penguat Kuasa (Letak Kereta)
GRED	: KP19
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) / Kontrak
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Keselamatan Dan Pertahanan Awam
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM -MAKSIMUM	: RM1,360.00 - RM4,052.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM100.00

1. SYARAT LANTIKAN

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji Permulaan pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan
(Gaji Permulaan pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19 : RM1,472.80); dan
- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

4. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Operasi
GRED	: N11
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) / Tetap
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Pentadbiran Dan Sokongan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM -MAKSIMUM	: RM1,216.00 - RM2,983.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM80.00

1. SYARAT LANTIKAN

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji Permulaan pada Gred N11 : RM1,216.00); atau
 - (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [*kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)*].
(Gaji Permulaan pada Gred N19 : RM1,408.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,262.15)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E.
- Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat “hands-on” yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

5. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Awam
-----------------------------	------------------------

GRED	: H11
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) / Tetap
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Kemahiran
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM -MAKSIMUM	: RM1,218.00 - RM2,939.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM80.00

1. SYARAT LANTIKAN

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji Permulaan pada Gred H11 : RM1,218.00)

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. DESKRIPSI TUGAS

- Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hand-on* yang memerlukan keupayan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

B. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada syarat lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

C. LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

D. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

E. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

F. CARA MEMOHON :

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskhah atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran borang permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.
- (ii) Permohonan mestilah disertakan dengan:-
 - a) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir
 - b) Salinan Sijil-sijil Akademik
 - c) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - d) Salinan Lesen Memandu (jika berkaitan)
 - e) Gambar warna berukuran passport
 - f) Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah); dan

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 Januari 2022 (Khamis)

- (iii) Permohonan dari calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) yang perlu dibawa semasa temuduga.

- (iv) Hanya calon yang layak untuk temuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
- (v) Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

G. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK

- (i) Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak ditandatangani.
- (ii) Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
- (iii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.
- (iv) Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
- (v) Permohonan tidak memenuhi/tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.
- (vi) Tidak menyertakan gambar passport berwarna.

MOHD FAHMY BIN YAHYA

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 10 Januari 2022

..tmstarmilatest>iklanjawatan